

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA
[SUBANG]**

TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan R. Sivarasa [Subang] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan apa sebab Peguam Negara tidak membuat permohonan di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964 di Mahkamah Rayuan selepas Korporal Sirul Azhar Umar dan Ketua Insp Azilah Hadri dibebaskan dan juga di Mahkamah Persekutuan untuk waran tangkap atau perintah sekatan atas pergerakan mereka semasa menunggu penghabisan rayuan Peguam Negara.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Koperal Sirul Azhar Umar telah dilepaskan dan dibebaskan oleh Mahkamah Rayuan daripada sabitan dan hukuman gantung mandatori pada 23 Ogos 2013. Memandangkan Koperal Sirul Azhar Umar telah dilepaskan dan dibebaskan oleh Mahkamah Rayuan daripada sabitan dan hukuman gantung mandatori, beliau adalah bebas untuk menggunakan pasport miliknya bagi tujuan perjalanan ke luar negara.
2. Untuk makluman, Koperal Sirul Azhar Umar dan Cif Inspektor Azilah Hadri telah hadir di perbicaraan rayuan bersama-sama peguam bela mereka sepanjang perbicaraan rayuan di Mahkamah Persekutuan dari 23 hingga 25 Jun 2014.
3. Bagi kes seseorang tertuduh yang telah dilepaskan dan dibebaskan daripada sesuatu pertuduhan oleh Mahkamah Tinggi, Mahkamah diberi kuasa untuk membuat perintah untuk menangkap tertuduh tersebut atau membenarkan jamin sehingga pelupusan rayuan perayu di Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan. Kuasa ini diperuntukkan di bawah seksyen 56A Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] bagi memastikan hak pendakwaan untuk merayu tidaklah akademik ataupun sia-sia disebabkan ketidakhadiran tertuduh yang telah dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan.

4. Berdasarkan kenyataan serta fakta kes yang dikemukakan, tiada alasan yang boleh digunakan oleh pihak pendakwaan bagi menyokong suatu permohonan waran tangkap di bawah seksyen 56A Akta Mahkamah Kehakiman 1964, termasuk perintah penahanan pasport ataupun membenarkan sebarang jaminan terhadap Koperal Sirul Azhar sehingga pelupusan rayuan di Mahkamah Persekutuan.
5. Permohonan di bawah seksyen 56A Akta Mahkamah Kehakiman 1964 terpakai bagi mana-mana tertuduh yang telah dilepaskan dan dibebaskan oleh mahkamah, terutama sekali terhadap tertuduh bukan warganegara Malaysia. Ini kerana terdapat risiko besar tertuduh bukan warganegara tidak akan menghadiri perbicaraaan rayuan terhadapnya.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 6 APRIL 2015

RUJUKAN : 7611

SOALAN:

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tujuan utama Kerajaan mengekalkan Akta Hasutan dan apakah perbezaannya dari Akta Hasutan asal yang telah diguna sejak merdeka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menyatakan pendirian untuk mengekalkan Akta Hasutan 1948 dengan beberapa pindaan untuk menambahbaik Akta sedia ada. Tujuan Kerajaan mengekalkan Akta ini adalah kerana telah terbukti sejak Akta ini digubal dapat membendung elemen-elemen hasutan yang boleh menjurus kepada sentimen ketegangan kaum dan agama. Ini adalah penting memandangkan Malaysia adalah terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum dan agama.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga tidak melihat sebarang masalah dengan undang-undang ini kerana Akta Hasutan 1948 adalah sebuah undang-undang biasa yang berbentuk ‘*punitif*’ di mana pendakwaan adalah dibuat di hadapan Mahkamah terbuka. Mana-mana individu yang didakwa di bawah Akta ini boleh membela diri dengan melantik peguam pilihannya sendiri. Maka tiada isu mengapa Akta Hasutan 1948 ini perlu dimansuhkan.

Pada masa ini, Jabatan Peguam Negara sedang dalam peringkat akhir pindaan kepada Akta Hasutan 1948. Sehubungan itu, saya tidak dapat memberi secara terperinci apakah perbezaan yang ada pada pindaan Akta Hasutan tersebut.